JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 40/2020

**RUJUKAN : 1 MEI 2020**

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

**RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI**

## 1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan fasa keempat menumpukan kepada usaha pemulihan jangkitan COVID-19 meliputi pemantauan penularan tempatan dan kes jangkitan yang diimport dari kalangan "pengembara" iaitu masyarakat Malaysia yang pulang dari luar negara. Berdasarkan pemerhatian kes jangkitan harian dalam tempoh 2 hari fasa keempat, kes import dilihat mempengaruhi pertambahan statistik kes positif. Secara kumulatif bagi tempoh tersebut, sebanyak 151 kes positif telah dicatatkan dan **kes import menyumbang 64.2 peratus** daripada jumlah keseluruhan (151 kes). Namun begitu, cerapan data pada 1 Mei 2020 menunjukkan kes jangkitan harian dari "pengembara" menurun kepada 12 kes. Merujuk kepada catatan kes yang diimport, sehingga kini **sebanyak 263 individu telah dijangkiti,** pertambahan 12 kes berbanding hari sebelumnya. Catatan harian terbaharu ini sebahagian besarnya melibatkan **peningkatan di kawasan Lembah Klang** menjadikan **kumulatif kes import W.P Kuala Lumpur & W.P Putrajaya kepada 65 kes dan Selangor (35 kes)**. Pada masa yang sama, Melaka meningkat kepada (42 kes), Johor (19 kes) manakala negeri-negeri lain kekal iaitu Negeri Sembilan (89 kes)**,** Sarawak (12 kes) dan Kedah (1 kes) seperti pada Jadual 1.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 1 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 4,210** atau 69.3 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,758 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **69 kes positif baharu (12 kes import)** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,071 kes. Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 46.2 peratus**, Zon Selatan (22.7 peratus), Wilayah Malaysia Timur (13.8 peratus), Zon Pantai Timur (9.3 peratus) dan Zon Utara (8.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 32 kes** disusuli Selangor (24 kes), W.P Putrajaya (4 kes) manakala pahang dan Johor masing-masing sebanyak 5 kes. Secara umumnya, tiada penambahan kes positif dicatatkan bagi 8 buah negeri termasuk satu Wilayah Persekutuan. Selain itu, sejumlah **103 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **1 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 2.

Statistik pecahan **kumulatif kes aktif mengikut daerah** menunjukkan **8 daerah** dikategorikan sebagai zon merah (41 kes ke atas), menurun berbanding 12 daerah sebelum ini. Sehingga 30 April 2020, antara **daerah atau kawasan** yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** (100 kes ke atas) adalah **Lembah Pantai dengan 280 kes** dan **Kuching sebanyak 165 kes.** Namun begitu, **sejumlah 92 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif**.

Semua daerah di Kedah, Kelantan, Perlis dan yang terkini Perak telah menunjukkan pemulihan memberangsangkan dengan tiada catatan kes aktif sementara W.P Labuan dan Pulau Pinang masing-masing hanya mencatatkan 2 kes aktif.

Di seluruh dunia, sebanyak **3,259,236 individu** telah dijangkiti **wabak COVID-19** dengan melibatkan **233,440 kematian. Amerika Syarikat mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,070,032 kes** dan umumnya terdapat 8 negara yang mempunyai catatan melebihi 100 ribu kes. Sementara itu, **di peringkat ASEAN Singapura merekodkan** 17,101 kes jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (10,118 kes), Filipina (8,488 kes) termasuk Malaysia (6,071 kes). **Kematian tertinggi** global direkodkan oleh **Amerika Syarikat dengan menyumbang sebanyak 27.0 peratus,** diikuti Itali yang mencatatkan 12.0 peratus dan United Kingdom (11.5 peratus). **Belgium** mencatatkan **kadar kematian 15.65 peratus** diikuti United Kingdom (15.56 peratus), Perancis (14.59 peratus) dan Itali (13.61 peratus). Kadar kematian peringkat dunia adalah 7.16 peratus manakala kes sembuh telah menjangkau 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,015,222 kes (31.15 peratus) seperti pada Jadual 3.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada pelbagai sumber memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **GLOBAL**: **IMF menjangkakan ekonomi di wilayah Caribbean akan menyusut 6.2 peratus pada tahun 2020 akibat aktiviti perlancongan yang terhenti** yang disebabkan oleh penutupan sempadan dan sekatan pergerakan bagi mengawal penularan COVID-19. IMF memberi amaran bahawa **kehilangan output syarikat dan peningkatan kos yang tinggi bagi menguruskan wabak tempatan akan memburukkan kesan kewangan di wilayah berkenaan**. Selain itu, musim taufan yang akan datang memberi risiko tambahan. Pembatalan secara besar-besaran ke atas tempahan hotel dan penutupan sementara resort telah menyebabkan peningkatan pengangguran. Pengalaman dari krisis yang lepas menunjukkan bahawa pemulihan akan mengambil masa yang lama. Dikatakan penurunan mendadak dalam harga komoditi telah melemahkan eksport dan pendapatan fiskal di negara-negara pengeksport komoditi seperti Guyana, Suriname, dan Trinidad and Tobago. Manakala syarikat berkaitan tenaga menstruktur semula perancangan pengeluaran yang terkesan dari penyusutan permintaan global. Kiriman pindahan wang dari luar negara dijangkakan turun dengan mendadak kerana AS, UK dan Kanada juga berada dalam kemelesetan yang mendalam. Purata kiriman pindahan wang adalah sekitar 7 peratus daripada output ekonomi wilayah Caribbean. Ia merupakan sumber kewangan yang signifikan di negara seperti Haiti dan Jamaica apabila menyumbang 15 peratus ke atas nilai KDNK. IMF menyatakan bahawa badan itu memperuntukkan sumber dana kecemasan bernilai AS$ 2.5

bilion untuk wilayah itu di mana permohonan peruntukan dari Haiti, Grenada, Dominica dan St. Lucia telas diluluskan. (Reuters)

**INDONESIA**: **Ekonomi Indonesia pada suku pertama 2020 berkemungkinan perlahan kepada kadar pertumbuhan yang paling lemah dalam jangkamasa 18 tahun.** Dijangka prestasi akan bertambah buruk pada suku tahun – suku tahun berikutnya disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19. Tinjauan Reuters menunjukkan **penengah unjuran 15 penganalisis ke atas ekonomi terbesar di Asia Tenggara adalah pada kadar 4.04 peratus pada suku pertama 2020** berbanding pertumbuhan KDNK 4.97 peratus pada suku sebelumnya. Unjuran ini adalah lebih rendah dari unjuran pada kadar di antara 4.5 peratus hingga 4.7 peratus oleh kerajaan Indonesia dan 4.3 peratus oleh Bank Indonesia. Halangan perjalanan, penutupan sekolah dan perniagaan serta kemerosotan perdagangan global dijangka akan memberi kesan negatif kepada ekonomi selanjutnya. (Reuters)

**KOREA SELATAN**: **Indeks keyakinan perniagaan (BSI) Korea Selatan merosot menjadi pada kadar yang paling rendah**. Bank of Korea melaporkan, **BSI pembuatan jatuh ke 45 pada Mei dari 52 pada April** yang merupakan catatan terendah sepanjang masa sejak data tersebut disusun pada Februari 2003. **BSI bukan pembuatan, yang merangkumi sektor perkhidmatan pula jatuh ke 47 pada bulan Mei berbanding 52 pada bulan April.** BSI ini disusun berdasarkan hasil dari tinjauan ke atas 3,180 perusahaan korporat pada 13-21 April 2020. Penganalisis ekonomi menjangkakan ekonomi keempat terbesar di Asia itu bakal menguncup pada 2020 dengan IMF kini meramalkan kejatuhan 1.2 peratus. (Reuters)

**MEXICO**: **Bank Pelaburan JP Morgan** telah menyemak semula unjuran KDNK Mexico dari **kejatuhan -7.5 peratus kepada -8.4 peratus.** (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) Kementerian Kewangan menyasarkan 700,000 PKS untuk menerima bantuan kewangan dibawah peruntukan Geran Khas Prihatin **berjumlah RM2.1 bilion bagi membantu meringankan beban PKS** yang telah terjejas teruk akibat pandemik Covid-19.

2) Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) akan menganjurkan ekspo e-dagang (eDX) yang pertama dan terbesar secara maya mulai 4 hingga 8 Mei ini sebagai usaha untuk **mempercepatkan pendigitalan sejajar dengan norma baharu** berikutan pandemik COVID-19.

3) **Perkhidmatan pengangkutan awam akan kembali beroperasi seperti biasa** dan pengendali pengangkutan awam diarahkan mengambil langkah pencegahan sewajarnya memandangkan lebih ramai pengguna akan berada di stesen dan perhentian atau terminal.

4) Import minyak sawit oleh India dijangka akan **merosot berikutan permintaan yang lemah,** sementara minyak soya dan bunga matahari tetap stabil.

5) Peguam komersial mendesak Kerajaan untuk **menggubal undang-undang pandemik Covid-19** bagi pemaju dan pembeli **untuk melindungi kepentingan kedua-dua pihak.**

6) Prestasi perdagangan Malaysia akan menyaksikan **kesan negatif daripada penguncupan ekonomi Amerika Syarikat.** Antaranya, sektor E&E akan terjejas teruk di mana produk E&E merupakan barang eksport utama Malaysia ke Amerika Syarikat.

7) Bursa Malaysia telah melonjak tinggi kesan daripada sentimen positif pasaran tempatan yang kukuh dengan kebanyakan indeks mencatatkan kenaikan minggu ini. **FBM KLCI menaik 37.93 mata kepada 1,407.78 berbanding penutup minggu lalu.**

8) **Harga rumah baharu dijangka turun** apabila pemaju bakal melakukan pelarasan dalam projek masing-masing selepas mengambil kira situasi ekonomi yang lembap pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan COVID-19.

9) Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah berjaya **mencecah jualan sebanyak RM11.88 juta kepada 189,826 orang pengguna** membabitkan Pasar Segar Terkawal sepanjang tempoh 18 Mac hingga 19 April 2020.

10) **Kerajaan telah meluluskan** sebanyak **RM1.57 bilion subsidi upah kepada 221,170 majikan** yang membabitkan **1.79 juta pekerja**, sebagai usaha mengekalkan pekerjaan dan mengelakkan pembuangan pekerja susulan pelaksanaan PKP.

11) **Penutupan operasi** majalah tempatan **BluInc Media Sdn Bhd versi cetak dan digital membuktikan** organisasi penerbitan majalah dan akhbar di negara ini sedang menghadapi tekanan yang kritikal.

12) **Jabatan Tenaga Kerja** akan memainkan peranan signifikan dalam **Program Penempatan Semula Pekerja** bagi memastikan kes pemberhentian pekerja berlaku pada tahap minimum.

13) **Hilton KL mengambil langkah drastik** untuk terus kekal beroperasi dengan **menawarkan pilihan kepada pekerja** mereka untuk mengikuti program **pengekalan dan pemberhentian pekerja.**

14) **Hampir semua aktiviti ekonomi dibenarkan** beroperasi pada **4 mei ini** kecuali beberapa **kategori industri dan perniagaan yang melibatkan perhimpunan ramai dan sentuhan badan** di mana penjarakan sosial sukar dikawal. Antaranya panggung wayang, pusat karaoke, pusat refleksologi, pusat hiburan, kelab malam, taman tema, bazar Ramadan, bazar Aidilfitri, karnival jualan dan semua bentuk persidangan dan pameran.

15) **Express Rail Link Sdn Bhd (ERL)** akan memulakan jadual **perkhidmatan terhad mulai Isnin (4 Mei)** berikutan kebenaran kebanyakan perniagaan kembali dibuka dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Fasa (PKP) 4.

16) **Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana)**, pengendali perkhidmatan **rel bandar dan bas henti-henti** serta perkhidmatan **Rapid Ferry**, akan beroperasi mulai Isnin (4 Mei) mengikut waktu normal dari **6 pagi sehingga tengah malam**.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **New Straits Time** | **Retail businesses to resume on Monday**<br><br>Retail businesses will be allowed to resume operations in full swing from Monday.<br><br>These include shopping complexes, hardware shops, furniture shops, electrical stores, book stores, automotive repair shops, optical shops and laundry including self-service laundry outlets.<br><br>According to the National Security Council, business operators are obliged to strictly follow the standard operating procedure issued by the government. | https://www.nst.com.my/news/nation/2020/05/589004/retail-businesses-resume-monday |
| 2. | **The Edge** | **MoF targets 700,000 SMEs to benefit from Prihatin Special Grant - Tengku Zafrul**<br><br>The Ministry of Finance targets about 700,000 small and medium-sized enterprises (SMEs) to benefit from the RM2.1 billion Prihatin Special Grant (PSG), which would ease the burden of micro-entrepreneurs badly affected by the COVID-19 outbreak, said its Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.<br><br>The special grant is a one-off financial assistance amounting to RM3,000 to qualified micro SMEs. | https://www.theedgemarkets.com/article/mof-targets-700000-smes-benefit-prihatin-special-grant-tengku-zafrul |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Malay Mail** | **PM: Almost all economic sectors, businesses can reopen May 4, subject to conditions**<br><br>On May 4, almost all economic sectors and businesses would be allowed to reopen subject to strict conditions in what is termed a conditional movement control order (CMCO), Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said.<br><br>He said that the government has been suffering RM2.4 billion in losses daily during the MCO, adding that the losses to date are estimated at RM63 billion, with another RM35 billion to come, should the MCO be extended longer. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/01/pm-almost-all-economic-sectors-businesses-can-reopen-may-4-subject-to-condi/1861989 |
| 4. | **Malay Mail** | **Shift focus to manufacturing and food agriculture post-MCO, says economist**<br><br>Post-movement control order (MCO) Malaysia could adopt a new economic strategy by focusing on sectors such as manufacturing and food agriculture (agri-food), said economist Nungsari Ahmad Radhi.<br><br>The former Khazanah Research Institute (KRI) chairman said that the emphasis on oil and gas as well as commodities that has been in place since the 1970s will not create the labour demands that are needed to ensure better job security and opportunities as more and more of the country's workforce are affected by the | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/01/shift-focus-to-manufacturing-and-food-agriculture-post-mco-says-economist/1862037 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Covid-19 fallout. Basically plantations, oil and gas, and tourism-related services, that kind of activity doesn’t create enough labour demands that pay enough.<br><br>He said that Malaysia’s existing infrastructure would allow a head start in the manufacturing and agri-food sectors that feed the global supply chain. | |

Penemuan penting & isu:

1. Perdana Menteri mengumumkan beberapa sektor ekonomi akan dibenarkan beroperasi mulai 4 Mei termasuk perniagaan runcit seperti kompleks membeli belah dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan. Beliau menyatakan bahawa Kerajaan telah mengalami kerugian RM2.4 bilion setiap hari sepanjang PKP.
2. Kementerian Kewangan menyasarkan 700,000 PKS untuk menerima bantuan kewangan one-off dibawah peruntukan Geran Khas Prihatin berjumlah RM2.1 bilion bagi membantu meringankan beban PKS yang telah terjejas teruk akibat pandemik Covid-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Tindakan Kerajaan membenarkan sektor perniagaan runcit beroperasi secara tidak langsung akan dapat membantu ekonomi Malaysia daripada terjejas teruk terutamanya kepada subsektor perkhidmatan perdagangan runcit. Subsektor ini merupakan salah satu penyumbang utama dalam sektor Perkhidmatan dengan sumbangan 7.7 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019 dan bertumbuh 8.4 peratus berbanding 10.1 peratus pada tahun sebelumnya.
2. Inisiatif Kerajaan memberi bantuan kewangan khas membantu PKS yang telah terjejas akibat Covid-19 secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi ekonomi negara. KDNK PKS telah menyumbang 38.3 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2018 dan mencatatkan pertumbuhan 6.2 peratus berbanding 7.1 peratus pada tahun 2017.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Borneo Post Online** | **Rubber gloves demand continues to surprise on the upside** | https://www.theborneopost.com/2020/05/01/rubber-gloves-demand-continues- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Demand for rubber gloves continues to surprise analysts on the upside, as some manufacturers have locked in orders until the end of 2020.<br><br>Although manufacturers have increased their utilisation to above 90 per cent, it is still insufficient to satisfy the spike in demand. | to-surprise-on-the-upside/ |
| 2. | **The Edge Markets** | **Govt urged to provide soft loans to petrol dealers**<br><br>The Petrol Dealers Association of Malaysia (PDAM) has urged the Government to consider providing financial support to petrol station owners to help them recover and start their businesses again after the Movement Control Order (MCO) is lifted. | https://www.theedgemarkets.com/article/govt-urged-provide-soft-loans-petrol-dealers |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 3. | **Malaysiakini** | **Pengangkutan awam beroperasi seperti biasa mulai 4 Mei**<br><br>Semua perkhidmatan pengangkutan awam akan kembali beroperasi seperti sebelum pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) pada 4 Mei 2020.<br><br>Beberapa panduan berkaitan perkhidmatan pengangkutan awam akan dikuatkuasakan bagi memudahkan perjalanan orang ramai dan membolehkan syarikat terbabit beroperasi dengan baik. | https://www.malaysiakini.com/news/523566?utm_source=dlvr.it&utm_medium=facebook |

| | | | |
|---|---|---|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Permintaan sarung tangan getah terus meningkat walaupun pengilang telah meningkatkan penghasilan sehingga melebihi 90 peratus.<br>2. Persatuan Peniaga Petrol Malaysia (PDAM) mendesak kerajaan mempertimbangkan untuk memberi bantuan kewangan kepada pemilik stesen minyak yang terjejas bagi membantu memulihkan dan memulakan perniagaan setelah PKP berakhir.<br>3. Perkhidmatan pengangkutan awam akan kembali beroperasi seperti biasa dan pengendali pengangkutan awam diarahkan mengambil langkah pencegahan sewajarnya memandangkan lebih ramai pengguna akan berada di stesen dan perhentian atau terminal. | | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Kebenaran beroperasi seperti biasa bagi industri pengangkutan akan membantu meningkatkan pendapatan bagi subsektor Pengangkutan & Penyimpanan khususnya bagi segmen pengangkutan darat. | | | |
| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market** | **Palm oil demand expected to decline as consumers tighten belt in economic slowdown**<br><br>Demand for palm oil is expected to decline this year, as contractions seen in the global economy will ultimately be a heavy blow to the commodity.<br><br>On a webinar hosted by the Solvent Extractors Association of India (SEA), Godrej International Ltd director Dorab Mistry noted that demand for the edible oil is expected to drop in the major markets such as China and India, as well as in other developing countries.<br><br>He noted that India's monthly import of edible oils is expected to fall by two million tonnes with almost all being palm oil. | https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-demand-expected-decline-consumers-tighten-belt-economic-slowdown |

Penemuan penting & isu:

1. Import minyak sawit oleh India dijangka akan merosot berikutan permintaan yang lemah, sementara minyak soya dan bunga matahari tetap stabil. Permintaan minyak sawit di India merosot sebanyak 40% terutama dipimpin oleh segmen penggunaan oleh isi rumah, restoran dan persidangan (HoReCa) dan segmen pengeluaran makanan yang perlahan yang telah dipengaruhi oleh kawalan pergerakan di seluruh dunia.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport **minyak sawit** (HS 1511) pada tahun 2019 bernilai RM34.5 bilion. Destinasi utama eksport minyak sawit adalah India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, eksport minyak sawit bernilai RM5.7 bilion, meningkat RM218.6 juta atau 4.0% berbanding RM5.5 bilion pada tahun lalu. Bagi bulan rujukan Mac, data akan diterbitkan pada 4 Mei 2020.
2. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

## D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **The Malaysian Insight** | **'Force majeure' law won't hurt house buyers, say lawyers**<br><br>A "FORCE majeure" law to protect housing developers from suits for being unable to meet contractual deadlines need not be unfair to buyers. | https://www.themalaysianinsight.com/s/242151 |
| 2. | **Berita Harian** | **Sentimen semakin positif lonjak Bursa Malaysia**<br><br>Sentimen positif pasaran tempatan yang kukuh memacu Bursa Malaysia untuk melonjak, dengan kebanyakan indeks mencatatkan kenaikan minggu ini. | https://www.bhplus.com.my/bisnes/pasaran/2020/05/683874/sentimen-semakin-positif-lonjak-bursa-malaysia |

Penemuan penting & isu:

1. Peguam komersial mendesak Kerajaan untuk menggubal undang-undang pandemik Covid-19 bagi pemaju dan pembeli untuk melindungi kepentingan kedua-dua pihak.
2. Antara faktor yang mendorong kenaikan pasaran sekarang adalah kerana berita positif mengenai COVID-19, yang mana keadaan COVID-19 dilihat

| | | | |
|---|---|---|---|
| | mula berkurangan di seluruh dunia. Harga minyak juga meningkat dan ini mengukuhkan kaunter berkaitan minyak. Bagi minggu yang baru berakhir, indeks penanda aras Bursa Malaysia, FBM KLCI menokok 37.93 mata kepada 1,407.78 berbanding penutup minggu lalu. Kaunter yang terus mendapat perhatian pelabur ketika ini adalah yang berkaitan dengan kesihatan dan pembinaan. | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Bahagian mengambil maklum akan cadangan perlindungan bagi kedua-dua pihak dalam menjaga kepentingan pembeli dan pemaju perumahan.<br>2. Bahagian mengambil maklum berkaitan kebenaran diberi kepada pelbagai sektor untuk memulakan aktiviti ekonomi yang mana ia telah memberi petanda baik keatas kegiatan ekonomi. | | | |
| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Impact of US economic contraction on Malaysia**<br><br>Malaysia's trade performance in the upcoming months would be impacted negatively, experts warned after the country's key trading partner, the United States, announced its steepest economic contraction since 2008 in the first quarter. With the country accounting for 10.7% of Malaysia's total exports in February this year. Economic disruptions in the former would affect the demand for Malaysian products and services. The impact would be felt in the coming quarters. The International Monetary Fund is projecting US gross domestic product (GDP) growth to contract by 5.9% in 2020 from an expansion of 2.3% in 2019. As a result of the weak economic performance in the world's biggest economy, Malaysia's electrical and electronics (E&E) sector would be most affected, given that E&E | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/01/impact-of-us-economic-contraction-on-malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | products are the country's main exports to the United States. In particular, among Malaysia's main exports to the United States are machinery and transport equipment (53.9% of total exports) and miscellaneous manufactured articles (31.9%). | |

Penemuan penting & isu:

1. Prestasi perdagangan Malaysia akan menyaksikan kesan negatif daripada penguncupan ekonomi Amerika Syarikat. Antaranya, sektor E&E akan terjejas teruk di mana produk E&E merupakan barang eksport utama Malaysia ke Amerika Syarikat.

Maklumbalas Bahagian:

1. Jangkaan prestasi perdagangan Malaysia yang kurang memberangsangkan akibat penurunan barangan eksport ke Amerika Syarikat bakal mempengaruhi Akaun Barangan. Pada tahun 2019, jumlah eksport Barangan merekodkan sebanyak RM817.8 bilion.

| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **MDEC anjur ekspo e-dagang bantu usahawan**<br><br>Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) akan menganjurkan ekspo e-dagang (eDX) yang pertama dan terbesar mulai 4 hingga 8 Mei ini sebagai usaha untuk mempercepatkan pendigitalan sejajar dengan norma baharu berikutan pandemik COVID-19.<br><br>Bertujuan membabitkan 500,000 penjual mikro, perniagaan tempatan dan pengeksport mengenai manfaat e-dagang itu, terdapat juga webinar dan sesi panel mengenai panduan untuk berjaya dalam e-dagang, berkembang melangkaui | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/683869/mdec-anjur-ekspo-e-dagang-bantu-usahawan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | sempadan dan kisah kejayaan yang memberi inspirasi.<br><br>Perniagaan luar talian kepada dalam talian dan seterusnya untuk dieksport, sesi itu akan diterajui oleh rakan e-Dagang MDEC seperti Shopee, Lazada, Carousell, Alibaba, BliBli dan eBay. | |
| 2. | **Berita Harian** | **Harga rumah baharu dijangka turun pasca COVID-19**<br><br>Harga rumah baharu dijangka turun apabila pemaju bakal melakukan pelarasan dalam projek masing-masing selepas mengambil kira situasi ekonomi yang lembap pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan COVID-19.<br><br>Presiden Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), berkata pemaju menyedari tahap kemampuan pembeli selepas PKP akan berubah dibandingkan sebelum perintah dilaksanakan, yang mana ramai dijangka terjejas disebabkan oleh pemberhentian kerja atau pengurangan gaji.<br><br>Pemaju dijangka tidak akan melancarkan sebarang projek baharu serta-merta dalam tempoh beberapa bulan selepas PKP berakhir. Pasaran hartanah sekunder akan menjadi petunjuk kepada pemaju dalam melakukan pelarasan harga berkenaan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2020/05/683801/harga-rumah-baharu-dijangka-turun-pasca-covid-19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **Sinar Harian** | **Jualan PKP FAMA cecah RM11.88 juta**<br><br>Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berjaya mencapai nilai jualan mencecah RM11.88 juta membabitkan Pasar Segar Terkawal di negeri ini sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).<br><br>Jumlah itu adalah hasil jualan kepada 189,826 orang pengguna antara 18 Mac hingga 19 April 2020.<br><br>Dari segi pemasaran, FAMA telah membuat belian melebihi 80 peratus hasil keluaran petani dan berjaya membuat 333 pengaturan pasaran.<br><br>Kedah mempunyai enam buah Pasar Segar Terkawal yang diluluskan beroperasi semasa tempoh PKP dengan prosedur standard operasi ditetapkan antaranya di Guar Chempedak, Changlun, Kuala Kedah, Kulim, Pusat Operasi FAMA Alor Setar dan Pusat Operasi FAMA Sungai Petani. | https://www.sinarharian.com.my/article/81450/EDISI/Utara/Jualan-PKP-FAMA-cecah-RM1188-juta |

Penemuan penting & isu:

1. Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menganjurkan ekspo e-dagang (eDX) yang pertama dan terbesar mulai 4 hingga 8 Mei sebagai usaha mempercepatkan pendigitalan sejajar dengan norma baharu. Ekspo tersebut membabitkan 500,000 penjual mikro, perniagaan tempatan dan pengeksport melalui perniagaan dalam talian seperti Shopee, Lazada, Carousell, Alibaba, BliBli dan eBay.
2. Harga rumah baharu dijangka turun apabila pemaju bakal melakukan pelarasan dalam projek masing-masing selepas mengambil kira situasi ekonomi yang lembap pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan COVID-19. Selain itu, menilai tahap kemampuan pembeli selepas PKP akan berubah dibandingkan sebelum perintah dilaksanakan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kedah berjaya mencecah jualan sebanyak RM11.88 juta kepada 189,826 orang pengguna membabitkan Pasar Segar Terkawal sepanjang tempoh 18 Mac hingga 19 April 2020. | | | |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Kerajaan telah memutuskan untuk membuka semula sektor ekonomi secara berhati-hati mengikut garis panduan yang ditetapkan. Di samping itu, Kerajaan turut menyediakan peruntukan kewangan sebanyak RM2.1 bilion kepada PKS di bawah Geran Khas Prihatan iaitu bantuan kewangan sebanyak RM3,000 (secara sekali) kepada PKS yang berkelayakan. Inisiatif ini adalah antara usaha untuk memulihkan ekonomi Malaysia.<br>2. MDEC melalui ekspo e-dagang (eDX) komited membantu usahawan melibatkan 500,000 penjual mikro ke arah pendigitalan normal baharu supaya kekal berdaya saing dan mampan. Perubahan ini membantu meningkatkan kecekapan, produktiviti tenaga kerja serta ekonomi semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). | | | |
| **G.** | **Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **Harga RON95, RON97, diesel kekal**<br><br>Harga bahan api kekal bermula 2 hingga 8 Mei 2020.<br><br>Harga berkenaan berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM). | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/684085/harga-ron95-ron97-diesel-kekal |
